



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA BILANGAN 1 TAHUN 2017

KURSUS KEPEGAWAIAN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KKKBS)

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
MALAYSIA**

5 JANUARI 2017

Diedarkan Kepada:

Semua Pegawai dan Kakitangan
Kementerian Belia dan Sukan
Serta Jabatan/Agensi di bawahnya



KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA
Secretary General
Ministry of Youth and Sports Malaysia
Aras 15, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA



Tel : 603-8871 3017/3018
Faks : 603-8888 8719
Emel : lokmanhakim@kbs.gov.my

Ruj. Kami : KBS 100-1/6/1(1)
Tarikh : 5 Januari 2017

Diedarkan Kepada:

Semua Pegawai dan Kakitangan
Kementerian Belia dan Sukan
Serta Jabatan/Agensi di bawahnya

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA BILANGAN 1 TAHUN 2017

KURSUS KEPEGAWAIAN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KKKBS)
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan keputusan Ketua Perkhidmatan Belia dan Sukan berkaitan arahan untuk mengikuti Kursus Kepegawaian Kementerian Belia dan Sukan (KKKBS) yang melibatkan Pegawai Belia dan Sukan dan Pegawai Latihan.

LATAR BELAKANG

- 2.1 Kursus Kepegawaian Kementerian Belia dan Sukan (KKKBS) anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) KBS telah dijadikan salah satu syarat tambahan dalam urusan Pengesahan Perkhidmatan bagi Pegawai Skim Belia dan Sukan Skim S sejak tahun 2008. Syarat yang sama telah dilaksanakan dan diluaskan skop pemakaiannya terhadap Pegawai Latihan Skim E (lantikan 2013 dan ke atas) bermula pada penganjuran KKBS Tahun 2015 kali ke-8 selaras keputusan dalam Minit Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Bil 4/2014 bertarikh 20 Januari 2015.

- 2.2 Keperluan untuk hadir dan lulus dengan jayanya Kursus Kepegawaian Kementerian Belia dan Sukan (KKKBS) sebagai satu syarat tambahan Pengesahan Perkhidmatan lantikan baharu Skim S dan E adalah selari dengan objektif pembangunan sumber manusia iaitu;-

'Objektif utama pelaksanaan KKKBS adalah untuk memberi pendedahan kepada para pegawai agar mampu berhubung dengan segenap lapisan masyarakat seperti pemimpin masyarakat, jabatan/agensi kerajaan, pertubuhan belia, persatuan sukan, para belia dan masyarakat di sepanjang mereka melaksanakan tugas kelak. Ia juga bagi meningkatkan daya ketahanan fizikal dan mental para peserta dalam menjalankan tugas.'

TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN/JABATAN/AGENSI

- 3.1 Semua Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KBS adalah dikehendaki untuk memastikan pegawai yang mendapat arahan untuk hadir ke KKKBS dalam tempoh yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, semua Ketua Jabatan diminta mengambil tindakan-tindakan berikut:-
- 3.1.1 menerangkan keperluan untuk pegawai untuk menyempurnakan kesemua modul KKKBS sehingga tamat kursus dengan jayanya;
 - 3.1.2 memberikan pelepasan kepada pegawai dan membuat perancangan untuk memastikan kelansungan tugas yang sedia ada sepanjang tempoh ketiadaan pegawai; dan
 - 3.1.3 memastikan pegawai yang telah menghampiri tempoh maksimum 3 tahun dan belum dipanggil untuk menyertai KKBBS untuk memohon perlanjutan tempoh percubaan.

PEMATUHAN

- 4.1 Pematuhan terhadap pekeliling ini adalah penting demi memastikan pegawai memenuhi kehendak Ketua Perkhidmatan.

PEMAKAIAN

- 5.1 Pemakaian Pekeliling ini adalah meliputi semua warga KBS yang terdiri dari pegawai lantikan baharu dan lantikan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) Skim Belia dan Sukan gred S41, S29 dan Skim Latihan gred E41, E29 di semua Bahagian, Jabatan, Institut dan badan berkanun di bawah Kementerian Belia dan Sukan.
- 5.2 Bagi pegawai lantikan KPSL yang telah hadir dan lulus dengan jayanya KKKBS pada gred lantikan terdahulu, pegawai berkenaan dikecualikan daripada KKKBS pada lantikan yang terkini.
- 5.3 Sebarang pengecualian penyertaan ke KKKBS hendaklah dirujuk kepada Cawangan Pembangunan Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) KBS.

TARIKH KUATKUASA

- 6.1 Pekeliling ini berkuatkuasa pada 5 Januari 2017.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' LOKMAN HAKIM BIN ALI)

5 Januari 2017